

**Persatuan Teksi Tawau Nyata Sokongan Kepada BN  
Bernama  
24 April, 2013**

TAWAU, 24 April (Bernama) -- Persatuan Pemilik/Pemandu Teksi Rumpun Melayu Tawau (Persarum) Rabu menyatakan sokongan terbuka kepada calon Barisan Nasional (BN) di Tawau dan Kalabakan pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Pengerusinya Tamrin Raba berkata sokongan terbuka persatuan teksi yang mempunyai kira-kira 1,200 anggota itu adalah berasaskan rasa kesyukuran anggota persatuan terhadap pelbagai kemudahan yang diberikan kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Kerajaan BN telah beri kami banyak bantuan termasuk bantuan persekolahan untuk anak-anak, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma)," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama calon BN Parlimen Tawau Datuk Mary Yap Kain Ching dan calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Sri Tanjong Fung Len Fui.

Terdahulu dalam ucapannya Tamrin berkata anggota persatuan itu amat bersyukur kerana selama ini kerajaan BN tidak mengabaikan nasib pemandu teksi dengan memperkenalkan pelbagai bantuan dan kemudahan untuk meringankan beban hidup mereka.

Sehubungan itu, katanya adalah wajar Pesarum memberi sokongan kepada kerajaan sedia ada bagi memastikan segala bantuan dan kemudahan yang diterima anggota persatuan dapat diteruskan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944817>